

30 **KEMBARA**
Belia pacu sosioekonomi

54 **PENDAPAT**
Pengurusan risiko demi kelestarian universiti

56 **INOVASI**
SSPTen elak pembaziran tenaga

'PENAWARAN MELEBIHI PERMINTAAN'

➔ Kerajaan disaran laksana moratorium atau pembekuan sementara kelulusan penubuhan IPT baharu

Oleh **Nas Norziela Nasbah**
nasnorziela@bh.com.my

Serdang

Statistik institusi pendidikan tinggi (IPT) sehingga 31 Januari tahun ini menunjukkan, negara memiliki 20 universiti awam (UA) universiti swasta (53) termasuk kampus cawangan luar negara; 38 universiti kolej (termasuk kampus cawangan luar negara) dan 350 kolej.

Berikutan jumlah 461 IPT termasuk 20 UA dalam negara, ia dianggap satu jumlah melangkaui keperluan penduduk Malaysia yang kini berjumlah 32 juta penduduk.

Jumlah yang berlebihan itu memaksa kebergantungan sesebuah IPT terhadap kemasukan jumlah pelajar asing, namun kehadiran golongan itu melanjutkan pengajian ke negara ini juga turut merosot daripada pelbagai sudut antaranya jumlah semakin mengecil menyebabkan ada daripada beberapa kolej terpaksa ditutup.

Selain faktor kemerosotan kemasukan pelajar asing yang semakin berkurangan, turut dilihat keseimbangan kualiti dan kuantiti dalam sektor pendidikan tinggi negara mengundang persoalan kewajaran penubuhan IPT dalam negara.

Melihatkan senario yang berlaku dalam pendidikan tinggi negara, satu penyelidikan merumuskan bahawa unjuran pada

2020 mendapati IPT bakal berdepan keadaan yang mana penawaran melebihi permintaan.

Lantaran itu, timbul cadangan supaya diadakan moratorium atau pembekuan sementara terhadap sebarang kelulusan untuk menubuhkan universiti selepas mengambil kira pelbagai aspek.

Sehubungan itu, satu Wacana Intelektual bertajuk Moratorium IPT di Malaysia: Wajar atau Tidak? anjuran Fakulti Ekologi Manusia (FEM) Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDapaT) diadakan bagi mengupas isu itu di UPM, baru-baru ini.

V26/27

redaksi

Pengarang Kumpulan BH
Khairi A. Majid

Pengarang Eksekutif Koran
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Komersial dan
Ehwal Semasa
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital
M Thilasinan

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
Azhar A. Samah

Pengarang Kandungan BM
Vertikal Pendidikan
Ridwan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan
Mohd Zin Mohd Ali

Penyunting
El Razana Razali

Wartawan

Nor Azma Laila

Nas Norziela Nasbah

Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif

Mohd Hakim Ismail

Mohd Zainuddin Ismail

Ilustrator

Khairul Anwar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1360226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan
Tel: 1360226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGKAPAN
Jabatan Pengedaran dan Isuasi
Akhiran NSTP 71, Jalan Rioeng,
55000 Kuala Lumpur
E-mel: educat@nstdp.com.my
mediaprint@nstdp.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 9999

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Kala Berita,
10, Jalan Rioeng, 55000,
Kuala Lumpur

www.bhvarsiti.com.my

fbvarsiti

ipendidikan

ipendidikan



FOTO ROSELA ISMAIL / BH

Pertimbangkan kewajaran pelaksanaan moratorium

Serdang

Mengimbas keputusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ketika itu yang mengeluarkan moratorium atau penangguhan rasmi bagi semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) daripada mengendalikan program kejururawatan pada peringkat diploma meninggalkan impak positif bagi menangani masalah pengangguran dalam kalangan jururawat lepasan IPTS.

Arahan itu dikeluarkan kerana jumlah institusi yang mengendalikan program berkenaan sudah mencukupi untuk menghasilkan tenaga kerja yang menepati nisbah jururawat kepada pesakit di negara ini.

Impaknya, juga dilihat positif kepada bakal pelajar jururawat yang sepatutnya melanjutkan pengajian pada peringkat IPTS ketika itu tidak sia-sia jika terus wujudnya institusi pengajian swasta dalam bidang berkenaan.

Kewajaran pelaksanaan moratorium IPT di Malaysia bagaimanapun perlu melihat akan kualiti sesebuah universiti swasta yang dilihat ada antara institusi itu benar-benar melahirkan golongan graduan yang berkualiti dan berjaya menempatkan diri dalam industri mengikut bidang masing-masing.

Profesor Adjung, Institut Penyelidikan Pendidikan



Dr Mohamed Ali Abdul Rahman

Tinggi Negara (IPPTN), Dr Mohamed Ali Abdul Rahman, berkata walaupun moratorium wajar dikemukakan jika institusi atau lokasi IPT terbabit benar-benar memberi manfaat kepada negara.

Katanya, Kabinet ada kuasa meluluskan penubuhan universiti baharu tetapi berdasarkan justifikasi mantap seperti lokasi dan keperluan institusi pendidikan di sesebuah kawasan mengambil contoh seperti di Iskandar Malaysia yang dikemukakan daripada moratorium memandang wilayah itu sedang berkembang serta memerlukan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan industri di situ.

Mencari penyelesaian

"Bagaimanapun, moratorium perlu disusuli dengan usaha mencari penyelesaian masalah yang membawa pembekuan penubuhan IPT baharu, termasuk isu kelonggaran penguasaan selain dakwaan

melanggar Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) oleh IPTS.

"Kita juga mengharapkan aspek penguatkuasaan disemak semula dengan pelbagai penambahbaikan mengikut keperluan semasa kerana itu sebenarnya yang perlu diwujudkan dalam usaha mengawal selia IPT," katanya.

Mohamed Ali berkata, aspirasi untuk menjadi hab pendidikan tinggi menerusi keupayaan meningkatkan akses rakyat terhadap kemudahan itu mendorong penubuhan terlahir banyak IPT dalam negara.

"Kita faham akan kepentingan menyediakan pendidikan untuk semua golongan termasuklah memberi peluang kedua bagi mereka yang mungkin tidak berjaya menempatkan diri di UA tetapi sebaik sahaja menamatkan pengajian di IPTS golongan itu juga menerima keputusan cemerlang seterusnya menempatkan diri dalam industri mengikut bidang yang diceburi," katanya.



FOTO HIASAN

Kewajaran pelaksanaan moratorium perlu melihat akan kualiti sesebuah universiti swasta itu.